



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

MALAYSIA TELAH MENGHANTAR PULANG 150 KONTENA SISA PLASTIK DENGAN ANGGARAN 3,737 METRIK TAN KE NEGARA PENGEKSPORT TANPA SEBARANG KOS

Kerajaan tegas akan terus memerangi pencemaran rentas sempadan

20 JANUARI 2020, BUTTERWORTH – Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) melalui operasi bersepadu yang diterajui oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dengan kerjasama agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SW Corp) di tiga (3) pelabuhan utama negara iaitu Pelabuhan Barat dan Utara Klang, Pulau Pinang dan Sarawak, telah berjaya menghantar pulang sebanyak **150 buah kontena sisa plastik dengan anggaran 3,737 metrik tan ke negara pengekспорт yang kebanyakannya negara-negara maju** seperti Perancis, United Kingdom, Amerika Syarikat, Kanada, Sepanyol dan Jepun.

Tindakan penghantaran balik kontena ini **tidak melibatkan sebarang implikasi kos kewangan** kepada Kerajaan di mana kosnya ditanggung

oleh pihak pengimport atau syarikat perkapalan serta merupakan yang pertama kali dalam sejarah negara.

Tindakan penguatkuasaan diambil ke atas kontena sisa plastik yang telah diimport ke Malaysia secara haram serta tidak memenuhi kriteria pengimportan sisa plastik dan obligasi di bawah *Basel Convention on Transboundary Movements of Hazardous Wastes and Their Disposal* (Konvensyen Basel).

Usaha ini akan diteruskan oleh MESTECC bagi membanteras perdagangan sisa plastik secara haram dan seterusnya mengelakkan Malaysia daripada menjadi tempat lambakan sisa plastik.

Bagi tujuan itu, satu Pelan Tindakan Kebangsaan Bagi Penguatkuasaan Pengimportan Sisa Plastik (HS 3915) akan dilancarkan untuk menyeragamkan prosedur aktiviti penguatkuasaan di kawasan lapangan oleh agensi-agensi berkaitan seperti JAS, JKDM, JPSPN, SWCorp, Pihak Berkuasa Pelabuhan dan agensi lain yang terlibat.

Dalam sidang media di Pelabuhan Pulau Pinang, YB Yeo Bee Yin, Menteri MESTECC berkata: "Kerajaan Malaysia memandang serius terhadap isu kemasukan sisa plastik haram ke negara ini dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan Malaysia tidak menjadi tong sampah dunia. MESTECC akan terus memerangi pencemaran rentas sempadan termasuk sisa plastik demi kesejahteraan rakyat dan kelestarian negara."

YB Yeo turut merakamkan penghargaan kepada semua agensi dan jabatan kerajaan yang terlibat dalam operasi bersepadu penghantaran semula kontena sisa plastik di seluruh negara.

Turut hadir disidang media itu YB Isnaraissah Munirah Majilis, Timbalan Menteri MESTECC, YBhg. Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Ketua Setiausaha MESTECC, Ybrs. Puan Norlin Jaafar, Ketua pengarah JAS.

-TAMAT-

Sebarang maklumat lanjut sila hubungi:

1. Ho Mei Kei – meikei@mestecc.gov.my
Tel: +603-8885 8299 / +0601128829408
2. Khairoul Hussen – khairoul@mestecc.gov.my
Tel: +603-8885 8822 / +6012848468
3. Sharudin Rosli - sharudin@doe.gov.my
Tel: +6012-3023864

Dikeluarkan oleh Unit Komunikasi Korporat, MESTECC, 20 Januari 2020
jam 10.00 pagi

LAMPIRAN1**BILANGAN PENGHANTARAN BALIK KONTENA SISA PLASTIK KE
NEGARA PENGEKSORT MENGIKUT NEGARA
(sehingga 17 Januari 2020)**

Bil.	Negara Pengeksport	Jumlah Kontena
1	Perancis	43
2	United Kingdom	42
3	Amerika Syarikat	17
4	Kanada	11
5	Sepanyol	10
6	Hong Kong	9
7	Jepun	5
8	Singapura	4
9	Portugal	3
10	China	3
11	Bangladesh	1
12	Sri Lanka	1
13	Lithuania	1
	Jumlah	150